



conference proceeding



SIMPOSIUM NUSANTARA⁹

THE 9TH REGIONAL SYMPOSIUM OF THE MALAY ARCHIPELAGO
Revisit Islamic Civilization and Built Environment In The Malay World

11 & 12 December 2012
Al-Khawarizmi Lecture Hall
UiTM(Perak)

Organized by:
Centre for Knowledge & Understanding of Tropical Architecture & Interior (KUTAI)
Centre for Islamic Thought & Understanding (CITU)
Centre for Architecture, Planning & Surveying (FSPU)
Faculty of Architecture, Planning & Surveying (Perak)
Universiti Teknologi MARA (Perak)
<http://perak.uitm.edu.my/simp09>



FSPU

PAPER CODE : AR228

WARISAN BUDAYA RUMAH MINANGKABAU NEGERI SEMBILAN DAN SUMATERA BARAT: RUANG DALAMAN DAN PENGARUH MATRILINEAL

Setiawan Hardono^a, Azizi Bahauddin^b

*Pusat Pengajian Perumahan, Bangunan Dan Perancangan, Universiti Sains Malaysia, Malaysia
setiawan8431@gmail.com*

Abstrak

Di rantau Nusantara, budaya masyarakatnya sangat terkenal dengan keunikan warisan seni bina rumah Minangkabau dan adat berketurunan ibu atau dikenali sebagai matrilineal. Si ibu dan anak perempuannya diberi keistimewaan mewarisi harta pusaka rumah Minangkabau. Justeru itu, keunikan senibina rumah Minangkabau ini adalah lahir daripada dominasi kaum matrilineal. Namun, rumah Minangkabau di Negeri Sembilan, Malaysia berbeza dengan rumah Minangkabau di Sumatera Barat, Indonesia walaupun kedua-dua masyarakatnya wujud daripada budaya yang sama. Objektif kajian ini ialah mengenalpasti dan menganalisis pengaruh matrilineal pada ruang dalaman rumah Minangkabau di Negeri Sembilan dan Sumatera Barat. Metodologi yang digunakan dalam kajian ini ialah menyelidik dan menganalisa perancangan ruang dalaman rumah Minangkabau melalui kajian-kajian yang lepas seterusnya diikuti dengan kajian lapangan di kampung-kampung tradisional Negeri Sembilan. Diharapkan hasil kajian ini dapat mengesahkan teori pengaruh matrilineal pada ruang dalaman yang mewujudkan perbezaan rumah Minangkabau di Negeri Sembilan dan Sumatera Barat.

Kata kunci : rumah Minangkabau, ruang dalaman, pengaruh matrilineal

1. Pengenalan


Seni bina tradisional merupakan salah satu daripada aset warisan budaya serantau yang bernilai tinggi yang telah diwarisi sejak turun temurun dan kekal sehingga ke generasi hari ini (Ghafar, 2010). Ketinggian nilai warisan budaya ini adalah lahir melalui kefahaman dan pemikiran individu yang mempunyai pelbagai latar belakang budayanya (Ghafar, 2010). Budaya memainkan peranan yang utama dalam membentuk keunikan elemen-elemen seni bina rumah tradisional yang mempunyai nilai estetika (Fox, 1993), dan kelestarian rekabentuk mampan yang harmoni dengan alam sekitar (Bahauddin, 2012). Elemen-elemen seni bina tradisional ini terhasil melalui komponen-komponen budaya seperti adat, falsafah, ritual, kepercayaan, agama, dan hubungan sosial, ekonomi dan politiknya (Hanafi, 1985). Di rantau nusantara, budaya Minangkabau telah wujud sejak 500AD lagi dan keagungan budaya dan seni bina rumah Minangkabaunya amat terkenal di Negeri Sembilan dan Sumatera Barat yang terletak di Asia Tenggara (Rajah 1). Budaya Minangkabau telah bermula di Tanah Datar, Agam, dan Kota Lima Puluh atau dikenali sebagai Wilayah Tiga di Sumatera Barat (Asri, 2004; Is, 2000; Jayatri, 2001; Widya, 2001; Soeroto, 2005). Penempatan masyarakat Minangkabau Sumatera Barat di Negeri Sembilan bermula pada abad ke-14 lagi (Ibrahim, 1993). Menurut Kato (1997), Selat Melaka dan Sungai Linggi merupakan laluan utama yang digunakan oleh masyarakat Minangkabau Sumatera Barat untuk berhijrah ke Kuala Pilah, Rembau, dan Tampin, Negeri Sembilan (Rajah 2). Menurut pengkaji budaya Negeri Sembilan seperti (Rosli, 2007; Ayob, 1993; Selat, 1975; Ibrahim, 1993; Adil, 1981; Dom, 1977) , adat Perpatih yang diamalkan oleh masyarakat Minangkabau di Negeri Sembilan pada hari ini adalah berasal daripada adat Minangkabau dari Sumatera Barat (Rajah 3).



Rajah 1 : Peta Lokasi Negeri Sembilan, Malaysia dan Sumatera Barat, Indonesia di Asia Tenggara



Rajah 2 : Peta Lokasi Kawasan Minangkabau di Negeri Sembilan



Rajah 3 : Peta Lokasi Asal Usul Di Wilayah Tiga, Sumatera Barat

Masyarakat Minangkabau mempunyai kepercayaan dan pegangan yang teguh kepada adat dan agama Islamnya (Nasroen, 1957). Kedua-dua komponen ini memberikan cabaran yang besar kepada budaya masyarakat Minangkabau. Adat matrilineal ini telah memberi keistimewaan kepada kaum ibu dan anak perempuannya mewarisi semua harta pusaka (Nasroen, 1957). Rumah Minangkabau adalah sebahagian daripada harta pusaka yang akan diwarisi. Justeru, keunikan dan keagungan rumah tradisional Minangkabau wujud melalui konsep dan falsafah seni binanya yang cenderung kepada adat matrilinealnya (Soeroto, 2005). Masyarakat matrilineal telah mendominasi susun atur ruang dalam rumah Minangkabau dengan memberi keselesaan kepada penghuni individunya, keluarga, dan kaum masyarakatnya. (Azwar, 2001; Ng,1980). Rumah Minangkabau juga dikenali sebagai “rumah adat” kerana majlis atau upacara-upacara adat seperti perkahwinan, merawat anggota keluarga yang sakit, tempat bermesyuarat, pelantikan penghulu, dan meraikan tetamu diadakan di dalam rumah ini (Widya, 2001; Idrus, 1996).

Adat matrilineal memainkan peranan penting terhadap seluruh sistem kehidupan budaya masyarakat Minangkabau termasuk dalam rekabentuk dan seni bina rumah tradisionalnya. Elemen-elemen seni bina dan rekabentuk yang terbentuk pada rumah Minangkabau adalah lahir daripada nilai-nilai budayanya (Soeroto, 2005). Setiap simbol binaan yang terdapat pada rumah mempunyai terjemahan pemikiran masyarakatnya sendiri. Namun persoalannya, mengapakah rumah Minangkabau di Negeri Sembilan (Rajah 4), berbeza dengan Sumatera Barat (Rajah 5) khususnya pada susun atur ruang dalamannya sedangkan kedua-dua masyarakatnya mengamalkan budaya adat matrilineal yang sama. Justeru itu, objektif kajian ini ialah untuk menganalisa ciri-ciri ruang dan fungsi matrilineal pada ruang dalaman rumah Minangkabau di Negeri Sembilan dan Sumatera Barat.



Rajah 4 : Rumah Minangkabau Negeri Sembilan



Rajah 5 : Rumah Minangkabau Sumatera Barat

2. Metodologi

Metodologi kajian ini akan menggunakan kaedah rujukan kajian-kajian yang lepas dan kajian kes melalui maklumat-maklumat yang diperolehi daripada hasil kajian lapangan di Negeri Sembilan, dan hasil tinjauan di Sumatera Barat. Berdasarkan kepada pemerhatian awal, didapati bahawa sebanyak 46 rumah-rumah Minangkabau masih kekal wujud di 27 buah kampung Negeri Sembilan khususnya di Rembau, Kuala Pilah, dan Tampin (Jadual 1). Lima buah rumah telah dipilih untuk dijadikan sebagai kajian kes. Manakala di Sumatera Barat, sebanyak tiga buah rumah telah ditinjau setakat ini. Photo, dan ukuran saiz rumah akan diambil untuk didokumentasikan. Maklumat temu bual yang diperolehi akan menginterpretasikan data visual yang diperolehi daripada photo dan ukuran saiz rekabentuk yang diwujudkan pada seni bina rumah Minangkabau. Menurut Mat (2010), lukisan kerja yang didokumentasikan dan diperolehi daripada kajian kes perlu digabungkan dengan maklumat temu bual dan pemerhatian yang dijalankan agar dapat mengukuhkan hasil dapatan kajian dengan memberi pemahaman yang jelas bagi setiap kejadian yang berlaku.

Jadual 1 : Statistik Bilangan Rumah Minangkabau di Kampung Tradisional di Negeri Sembilan

Bil	Nama Kampung / Tempat	Daerah	Bil. Rumah	Bil	Nama Kampung / Tempat	Daerah	Bil. Rumah
1.	Kg. Air Hitam, Tg. Ipoh	Kuala Pilah	1	15.	Kg. Pilah Tengah	Kuala Pilah	1
2.	Jalan Seremban, Tg. Ipoh	Kuala Pilah	1	16.	Kuala Pilah	Kuala Pilah	1
3.	Kg. Kayu Ara, Tg. Ipoh	Kuala Pilah	1	17.	Kg. Ulu Superi	Rembau	1
4.	Kg. Ampang Tinggi, Tg. Ipoh	Kuala Pilah	1	18.	Kg. Mampung	Rembau	2
5.	Kg. Tg. Ipoh	Kuala Pilah	1	19.	Kg. Pulau Bongek	Rembau	2
6.	Kg. Terachi, Tg. Ipoh	Kuala Pilah	1	20.	Kg. Pulau Besar	Rembau	1
7.	Terachi	Kuala Pilah	1	21.	Kg. Chenong Chengkau	Rembau	1
8.	Kg. Gedang, Terachi	Kuala Pilah	2	22.	Kg. Nerasau Chengkau	Rembau	2
9.	Kg. Ibol Terachi	Kuala Pilah	4	23.	Kg. Tengah Penajis	Rembau	2
10.	Kg. Tengah, Sri Menanti	Kuala Pilah	1	24.	Kg. Penajis	Rembau	1
11.	Kg. Merial, Sri Menanti	Kuala Pilah	1	25.	Kg. Astana Raja	Rembau	1
12.	Kg. Cheriau, Senaling	Kuala Pilah	5	26.	Kg. Legong Ulu, Kota	Rembau	1
13.	Kg. Gachong, Senaling	Kuala Pilah	7	27.	Kg. Sri Repah	Tampin	1
14.	Kg. Bukit Sri Pilah	Kuala Pilah	2	JUMLAH			46

3. Adat Minangkabau

Adat Minangkabau adalah satu peraturan hidup yang merangkumi aspek kehidupan yang amat luas yang dijadikan panduan kepada manusia untuk mencapai kebahagiaan dunia dan akhirat (Amir, 1997). Adat ini telah disampaikan kepada manusia melalui unsur budayanya seperti falsafah, ritual, adat istiadat, kepercayaan, dan agamanya (Amir, 1997). Konsep “Alam takambang jadi guru” telah menjadi panduan dalam budaya Minangkabau kerana kesempurnaan kejadian alam kepada manusia (Manggis, 1971; Soeroto, 2005). Melalui konsep ini manusia akan dididik dengan nilai-nilai yang baik seperti mana alam sentiasa memberi kebahagiaan kepada kehidupan dan manusia yang lain. Bagi melaksanakan konsep dan dasar itu, adat Minangkabau terbahagi kepada empat peringkat, mengikut tahap ketinggian kedudukannya, yang pertama ialah “adat yang sebenar adat”, kedua “adat yang diadatkan”, ketiga “adat yang teradat”, dan keempat ialah “adat istiadat” (Nasroen, 1957). Kesemua peringkat ini mempunyai fungsinya yang tersendiri agar dijadikan sebagai panduan oleh masyarakatnya. Terdapat adat yang boleh diubah, dan adat yang tidak boleh diubah. Adat yang pertama dan kedua adalah adat yang tidak boleh diubah dan telah ditetapkan sejak daripada nenek moyang lagi menuruti hukum-hukumnya yang tertentu, dan antaranya yang berkaitan dengan peraturan agama dan sebagainya. Adat yang boleh diubah terdiri daripada adat yang ketiga dan keempat. Perubahan pada peraturan adat ini boleh berubah mengikut kesesuaian peredaran zaman, perubahan persekitaran, dan sebagainya yang memberikan keselesaan dan kebaikan kepada masyarakatnya dengan syarat perubahan tersebut perlu persetujuan melalui musyawarah kaum.


Di Sumatera Barat, masyarakat Minangkabau mengamalkan adat yang terbahagi kepada dua hukum adat iaitu Koto Piliang yang dipimpin secara autokrasi oleh Datuk Ketemenggungan, dan Bodi Caniago yang dipimpin secara demokrasi oleh Datuk Perpatih (Is, 2000; Widya, 2001; Hamka, 2006). Walaupun berbeza hukum adat, namun kedua-duanya masih mengamalkan sistem adat matrilineal yang sama. Di Negeri Sembilan masyarakat Minangkabau mengamalkan adat Perpatih. Adat Perpatih yang diamalkan oleh masyarakat Minangkabau berasal daripada adat Minangkabau. (Adil, 1981; Rosli, 2007; Dom, 1977; Selat, 1975; Ibrahim, 1993; Ayob, 1993).

Perpatih mengambil sempena nama pengasasnya iaitu Datuk Perpatih yang merupakan seorang pemimpin adat Minangkabau yang berasal dari Sumatera Barat. Justeru, adat Minangkabau dan adat Perpatih mempunyai konsep dan sistem adatnya yang sama.

4. Keekerabatan Matrilineal

Terdapat tiga unsur dalam sistem kekerabatan matrilineal yang menjadi teras dan panduan kepada masyarakat Minangkabau iaitu keturunan kekeluargaan mengikut salah silah daripada susur jalur ibu, perkahwinan eksogami yang menggalakkan perkahwinan berlainan suku, dan kuasa ekonomi dan harta pusaka diwarisi oleh kaum ibu (Amir, 1997). Melalui adat ini, kaum perempuan diberi keistimewaan yang mutlak mewarisi keturunan dan mewarisi harta pusaka khususnya berbanding kaum lelaki. Keistimewaan kaum lelaki hanya diberikan kepada saudara lelaki sebelah ibu atau dikenali sebagai *mamak* untuk dilantik sebagai ketua bagi mengetuai upacara-upacara adat bagi kaum Minangkabau (Asri, 2004). Manakala lelaki yang bergelar bapa kepada anak-anak atau suami kepada si isteri hanya dianggap sebagai "*urang sumando*" atau "*orang menumpang*" (Selat, 1975; Ibrahim, 1993), dan mereka tidak berhak mewarisi harta pusaka (Azwar, 2001). Menurut Hermayulis (2008), kaum ibu Minangkabau mempunyai sifat-sifat kepimpinan yang tinggi dan perancang dengan bijak dan justeru itu mereka dihormati dan digelar sebagai "*Bundo Kanduang*". Mereka dapat mengawal ekonomi dengan menjaga harta pusakanya yang diwarisinya dan dapat menjadi seorang isteri dan ibu yang dapat memelihara adat dan agama keluarga dengan baik (Hermayulis, 2008; Asturi & Soedarsono, 2006). Kepentingan kaum ibu dalam adat Minangkabau dilihat apabila mereka berfungsi melahirkan pelapis generasi akan datang dengan membawa waris keturunan masyarakat Minangkabau (Syamsul Asri, 2004). Selain itu, kaum ibu juga adalah memberi penyerti kepada sesebuah masyarakat dan menjadi penyokong kepada kaum lelaki (Hermayulis, 2008).

5. Rumah Minangkabau



Rumah Minangkabau Koto Piliang

Rumah Minangkabau Bodi Caniago


Rajah 6 : Perbezaan Rumah Minangkabau Koto Piliang dan Bodi Caniago
Sumber : Is (2000)

Terdapat dua jenis rumah Minangkabau berasal dari Sumatera Barat (Rajah 4). Rumah Minangkabau hukum adat Koto Piliang dikenali sebagai rumah Sitinjau Laut yang mempunyai anjung dibahagian kanan dan kirinya, dan lantainya dibina secara bertingkat manakala rumah Minangkabau hukum adat Bodi Caniago dikenali sebagai rumah Gadang, tidak beranjung dan mempunyai aras lantai yang sama rata (Is, 2000). Di Negeri Sembilan rumah bagi masyarakat Minangkabau dikenali sebagai rumah tradisional Negeri Sembilan (Idrus, 1996). Namun, di rantau nusantara kesemua rumah-rumah disitilahkan sebagai rumah Minangkabau kerana dihuni oleh masyarakat Minangkabau yang beradatkan sistem matrilineal yang sama. Seni bina rumah Minangkabau telah dibina berunsurkan falsafah dan kepercayaan ritual masyarakatnya (Soeroto, 2005; Yovita, 2012). Justeru, rumah Minangkabau adalah salah satu warisan budaya yang sangat unik kerana seni binanya lahir daripada unsur budaya yang beradatkan sistem matrilineal. Bagaimanakah susun atur ruang dalaman dan hubungan matrilinealnya di Sumatera Barat dan Negeri Sembilan?


5.1. Konsep ruang dalam rumah Minangkabau Sumatera Barat dan Negeri Sembilan

Secara umumnya, ruang dalaman rumah Minangkabau Sumatera Barat terbahagi kepada dua bahagian iaitu ruang hadapan atau tengah, dan ruang bilik. Ruang tengah atau hadapan yang lebih luas akan digunakan sebagai tempat mengadakan mesyuarat kaum manakala bilik dibahagian belakang pula akan digunakan untuk menempatkan anak-

anak perempuan. Bentuk rumah Minangkabau di Sumatera Barat bersegi empat yang memanjang dari kiri ke kanan, dan melebar belakang ke hadapan yang dikenali sebagai *lanja* (Asri, 2004). Terdapat empat jenis *lanja* iaitu bilik, *bandua*, *labuah*, dan *balai* (Rajah 7). Kesemua *lanja* ini mempunyai fungsi-fungsi yang akan digunakan pada waktu harian biasa atau sewaktu mengadakan majlis-majlis dan upacara adat. *Lanja* di bahagian belakang dikenali sebagai “bilik” berfungsi sebagai ruang privasi untuk menempatkan anak perempuan yang telah berkahwin. Diikuti dengan *lanja bandua*, berfungsi sebagai ruang semi privasi yang digunakan untuk kaum perempuan sewaktu menanti kedatangan tetamu. Manakala *lanja labuah* dan *lanja balai* ialah dua ruang yang berfungsi sebagai ruang umum yang digunakan sebagai tempat makan para tetamu perempuan, dan tempat duduk para tetamu lelaki atau tetamu terhormat dan berada di bahagian hadapan.



Rajah 7 : Pelan Rumah Minangkabau Bodi Caniago : 7 Ruang di Balimbiang, Sumatera Barat
 Sumber : Asri (2004)



Rajah 8 : Pelan Rumah Minangkabau Hjh. Solam di Negeri Sembilan

Di Negeri Sembilan, ruang dalaman rumah Minangkabaunya terbahagi kepada tiga bahagian iaitu dapur rumah ibu, dan serambi (Rajah 8). Dapur dan rumah ibu akan digunakan sebagai tempat aktiviti bagi kaum perempuan manakala serambi akan digunakan sebagai tempat aktiviti kaum lelaki. Bilik digunakan untuk menempatkan pasangan anak yang telah berkahwin khususnya pasangan yang baharu berkahwin. Anak lelaki akan tidur di pangkal serambi supaya berjauhan daripada bilik untuk memelihara keharmonian pasangan yang berkahwin. Semasa diadakan upacara keraian, tetamu perempuan akan menggunakan pintu belakang manakala tetamu lelaki akan menggunakan pintu hadapan untuk memasuki rumah. Bagi menghormati tetamu lelaki dan terhormat yang berusia mereka akan ditempatkan di hulu serambi agar kedudukan mereka tidak diganggu oleh laluan masuk pintu hadapan.

5.2. Pengaruh matrilineal pada susun atur ruang dalam rumah Minangkabau Sumatera Barat dan Negeri Sembilan

Di Sumatera Barat, sistem matrilineal memberi impak yang besar pada rekabentuk dan susun atur ruang dalaman rumah Minangkabaunya. Lazimnya, saiz rumah Minangkabau Sumatera Barat bergantung kepada bilangan bilik yang perlu disediakan kepada anak perempuan yang menghuni rumah tersebut. Terdapat rumah ruang jenis tiga, lima, tujuh, sembilan, dan ada sehingga mencecah dua puluh (Soeroto, 2005). Menurut Asri (2004) dan Ng, (1980), anak-anak perempuan yang telah berkahwin diberi keistimewaan untuk memiliki sebuah bilik, dan pasangan anak perempuan yang baharu berkahwin pula diberikan privasi untuk memiliki bilik khas di bahagian hujung. Manakala semua anak perempuan yang remaja akan ditempatkan ke dalam satu bilik, diikuti dengan perempuan yang lebih berusia akan ditempatkan di dalam satu bilik yang berhampiran dengan dapur untuk memudahkan pergerakannya ke dapur untuk memasak (Asri, 2004). Binaan rekabentuk dinding biliknya pula, tidak mempunyai tingkap dengan tujuan untuk mengelakkan berlakunya pencerobohan di bilik tersebut melalui bukaan tingkap yang dibina. Manakala lantainya pula telah ditinggikan sebanyak 20 sentimeter pada *lanja bandua*, untuk menonjolkan ketinggian taraf perempuan Minangkabau yang dihormati kepada para tetamu (Asri, 2004).

Manakala di Negeri Sembilan, rekabentuk susun atur ruang dalaman rumah Minangkabaunya tidak terlalu dipengaruhi oleh kaum matrilineal. Namun pada konsep hiraknya, ruang bagi kaum matrilineal tetap dilindungi dan ditempatkan di bahagian dalam dan belakang rumah manakala ruang lelaki di hadapan rumah. Pada waktu malam, anak perempuan yang bujang akan tidur di bilik atau rumah ibu manakala anak lelaki yang bujang akan tidur di serambi. Semasa upacara adat diadakan, tetamu matrilineal akan berkumpul di rumah ibu dan dapur manakala tetamu lelaki akan berkumpul di serambi. Tujuannya supaya dapat memisahkan ruang lelaki dan ruang perempuan bagi mengelakkan berlakunya pergaulan bebas antara mereka. Selain itu, rekabentuk ruang dalaman rumah Minangkabau di Negeri Sembilan lebih berkonsepkan ruang pelbagai fungsi (*multi-functional*). Justeru itu, kaum matrilineal tidak diberi hak secara individu untuk mendapat bilik. Menurut Idrus (1996), ruang dapur di bahagian belakang digunakan sebagai tempat kaum perempuan menyediakan makanan, tetapi digunakan juga sebagai tempat untuk kaum perempuan berinteraksi. “rumah ibu” di bahagian tengah rumah digunakan sebagai ruang untuk kaum perempuan berkumpul, tetapi digunakan juga sebagai tempat tidur anak perempuan bujang pada waktu malam. Bilik digunakan untuk tempat tidur anak perempuan yang bujang, tetapi selepas itu bilik akan diserahkan untuk kegunaan anak-anak yang telah berkahwin di dalam rumah itu.

Kesimpulan

Berdasarkan kepada huraian di atas, didapati bahawa susun atur ruang dalam rumah Minangkabau di Negeri Sembilan dan Sumatera Barat mempunyai rekabentuk yang berbeza. Perbezaan ini dapat dilihat pada fungsi dan struktur ruang, lantai, dan dindingnya. Walaupun sudut fizikalnya berbeza, namun dari segi konsep dan falsafahnya didapati bahawa budaya Minangkabau masyarakat di kedua-dua wilayah ini masih mempunyai sudut pemikiran yang sama terutamanya melibatkan soal keselamatan dan prinsip agama Islamnya. Perbezaan dan persamaan ini disebabkan oleh peranan matrilineal di kedua-dua wilayah ini telahpun berubah disebabkan oleh pengaruh sosial, ekonomi, dan persekitarannya yang berbeza. Susun atur ruang dalaman rumah Minangkabau di Sumatera Barat telah didominasi oleh aktiviti individu, keluarga, dan masyarakat kaum matrilinealnya. Ruang bilik bagi kaum matrilineal telah disediakan dengan pelbagai kategori dan status. Berbeza dengan rumah Minangkabau di Negeri Sembilan, apabila pengaruh matrilineal pada ruang dalamannya hanya tertumpu fungsi yang lebih besar yang melibatkan aktiviti keluarga dan masyarakat. Kaum matrilineal tidak diberi kelebihan mendominasi rekabentuk ruang dalamannya secara individu. Susun atur ruang dalamannya pula lebih banyak tertumpu kepada ruang pelbagai fungsi (*multi-functional*). Walaubagaimanapun, peranan matrilineal dalam komponen budaya telah memberi impak yang besar kepada rekabentuk ruang dalaman rumah Minangkabau. Rumah Minangkabau di Negeri Sembilan dan Sumatera Barat telah direkabentuk mengikut kesesuaian persekitarannya dan mampu memberi keharmonian kepada penghuninya mengikut pemahaman dan nilai-nilai hidup masyarakatnya. Hal ini disokong oleh keserasian hubungan manusia dan juga alam sekitar yang menjadi teras dalam konsep “Alam takambang jadi guru” dan konsep “adat yang boleh diubah” yang dapat mengubah sesuatu adat mengikut keselesaan situasinya.

Rujukan

- Adil, B. (1981). *Sejarah Negeri Sembilan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka.
- Amir, M.S. (1997). *Adat Minangkabau : Pola Dan Tujuan Hidup Orang Minang*. Jakarta: Citra Harta Prima.
- Asri, S. (2004). *Prinsip-Prinsip Pembinaan Rumah Adat Minangkabau*. Tesis PhD, Universiti Teknologi Malaysia.
- Ayob, Y. (1993). *Negeri Sembilan Darul Khusus & Melaka Bandaraya Bersejarah*. Petaling Jaya: Penerbit Prisma.
- Azwar, W. (2001). *Matrilokal dan Status Perempuan Dalam Tradisi Bajau*. Yogyakarta: Galang Press.
- Bahauddin, A. (2012). The Traditional Malay Melaka House of Malaysia : The Architectural and Cultural Heritage dalam Kazimee, B.A Heritage and Sustainability in the Islamic Built Environment. 93-110.
- Dom, M.M. (1977). *Adat Perpatih dan Adat Istiadat Masyarakat Malaysia*. Kuala Lumpur: Federal Publications.
- Fox, J. (1993). *Comparative Perspectives on Austronesian Houses: An Introductory Essay*. Canberra: ANU E Press.
- Ghafar, A.A. (2010). *Pemuliharaan Bangunan Warisan di Malaysia : Pengalaman dan Cabaran Masa Hadapan*. Penang: Universiti Sains Malaysia.
- Hamka. (2006). *Islam dan Adat Minangkabau*. Shah Alam: Pustaka Dini.
- Hanafi, Z. (1985). *Kompedium Sejarah Seni Bina Timur*. Pulau Pinang: Universiti Sains Malaysia.
- Ibrahim, N. (1993). *Adat Perpatih : Perbezaan Dan Persamaannya Dengan Adat Temenggung*. Kuala Lumpur: Fajar Bakti.
- Idrus, Y. (1996). *Rumah Tradisional Negeri Sembilan : Satu Analisis Seni Bina Melayu*. Shah Alam: Fajar Bakti.
- Is, S. (2000). *Kajian Nilai-Nilai Budaya Pada Ekspresi Tata Ruang Dalam Rumah Adat Minangkabau : Kes Kajian Luhak Tanah Datar Sumatera Barat*. Tesis PhD, Universiti Teknologi Malaysia, Johor.
- Jayatri, A. (2001). *Rencana Induk Lanskap Kawasan Wisata Budaya Kompleks Istana Pagaruyung, Sumatera Barat*. Tesis Sarjana, Institut Pertanian Bogor, Bandung.
- Kato, T. (1997). Dynamics of the Frontier World in Insular Southeast Asia : An Overview. *Southeast Asian Studies*.
- Manggis, R. (1971). *Minangkabau, Sejarah Ringkas dan Adatnya*. Jakarta: Mutiara.
- Mat, N. (2000). *Ciri-Ciri Fizikal Ruang Dalaman Rumah Melayu : Kajian Kes Rumah Bumbung Melayu Perak*. Tesis PhD, Universiti Sains Malaysia, Penang.
- Nasroen, M. (1957). *Dasar Falsafah Adat Minangkabau*. Jakarta: Bulan Bintang.
- Ng, C. (1980). *Raising The House Post and Feeding The Husband-Givers* dalam James J.Fox, Inside Austronesian Houses.
- Rosli, M. (2007). *Hari-Hari Mendatang Adat Perpatih*. Penang: Goal Intelligent Publishing .
- Selat, S. (1975). *Sistem Sosial Adat Perpatih*. Kuala Lumpur: Utusan Melayu (M) Berhad.
- Sidek, M. N. (2002). *Rekabentuk Penyelidikan : Falsafah, Teori dan Praktis*. Serdang: Universiti Putra Malaysia.
- Soeroto, M. (2005). *Pustaka Budaya & Arsitektur*. Jakarta: Myrtle Publishing.

Widya, D. (2001). *Kajian Arsitektur Rumah Tinggal Tradisional Minangkabau Nagari Panyalaian Kabupaten Tanah Datar*. Tesis Sarjana, Universitas Diponegoro, Semarang.

Yovita, W. (2012). *Budaya Matrilineal Masyarakat Minangkabau Pada Arsitektur Rumah Gadang*. Retrieved Februari 14, 2012, <http://www.scribd.com/doc/46656529/Budaya-Matrilineal-Masyarakat-Minangkabau-pada-Arsitektur-Minangkabau>.